Program Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian akan ;

- **PEO1 :** Melahirkan pengamal ilmu ekonomi yang **berpengetahuan** dalam teori ekonomi berkaitan sumber alam, serta menggunakan pendekatan **kuantitatif** dan **digital.**
- **PEO2** : Melahirkan pengamal ilmu ekonomi yang berupaya **berkomunikasi**, bekerja secara efektif dan menonjolkan kualiti **kepemimpinan** dalam **sesebuah organisasi**
- **PEO3** : Melahirkan pengamal ilmu ekonomi dalam bidang sumber alam yang **kompeten** dan **profesionalisma** serta mampu menyelesaikan masalah secara **kritis,** inovatif, dan **beretika.**
- **PEO4** : Melahirkan pengamal ilmu ekonomi yang mempunyai kemahiran personal dan **keusahawanan** untuk perkembangan kerjaya.

HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM (PLO)

Pada akhir program, graduan akan dapat :

PLO	Kategori Kemahiran	Penyataan Kemahiran
PLO1	**Knowledge and understanding**	**Pengetahuan & Kefahaman** Menguasai asas teori dan aplikasi dalam bidang ekonomi khususnya sumber alam
PLO2	**Cognitive Skill**	**Kemahiran Kognitif** Menganalisis isu-isu ekonomi dan kelestarian sumber alam secara kreatif dan inovatif
PLO3	**Practical Skill**	**Kemahiran Teknikal/Praktikal/Psikomotor** Mengaplikasikan kemahiran praktikal dalam analisis ekonomi
PLO4	**Interpersonal Skill**	**Kemahiran Sosial, Kerja Berkumpulan Dan Tanggungjawab** Mengintegrasikan keupayaan bekerja secara individu atau berpasukan dengan efektif
PLO5	**Communication skill**	**Kemahiran Komunikasi** Mempraktikkan kemahiran komunikasi secara lisan dan bertulis dengan efektif dalam organisasi dan masyarakat
PLO6	**Digital Skills**	**Kemahiran Digital** Mengaplikasikan kemahiran menggunakan aplikasi digital dengan kreatif dan efektif.
PLO7	**Numeracy Skill**	**Kemahiran Numerasi** Menerapkan kemahiran numerikal dalam teori ekonomi dan sumber alam menggunakan pendekatan kuantitatif**.**
PLO8	**Leadership, Autonomy & Responsibility**	**Kepimpinan, Autonomi & Kebertanggungjawaban** Melaksanakan kemahiran kepimpinan dan tanggungjawab dalam organisasi
PLO9	**Personal Skills**	**Pembelajaran Sepanjang Hayat Dan Pengurusan Maklumat** Mengurus maklumat yang bersesuaian dan idea baharu dalam proses pembelajaran sepanjang hayat.
PLO10	**Entrepreneurship**	**Kemahiran Pengurusan Dan Keusahawanan** Mempraktikkan kemahiran keusahawanan dan pengurusan ke arah pembangunan kerjaya
PLO11	**Ethics / Professionalism**	**Nilai, Etika, Moral Dan Profesionalisme** Mempamerkan nilai etika dan sikap profesional terhadap isu-isu ekonomi dan kelestarian alam.

SKEMA PROGRAM PENGAJIAN PELAJAR TEMPATAN
SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER ALAM) DENGAN KEPUJIAN
SESI 2026/2027

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT	KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT
SEMESTER 1				**SEMESTER 2**			
ECO3003	Prinsip Ekonomi	3 (3+0)	-	ECO3153	Statistik Ekonomi dan Perniagaan I	3 (3+0)	
ECO3193	Pengenalan kepada Ekonomi Matematik	3 (3+0)	-	ECO3213	Ekonomi Matematik	3 (3+0)	ECO3193
ACT3013	Asas Perakaunan Perniagaan	3 (3+0)	-	ECO3253	Mikroekonomi	3 (3+0)	ECO3003
MMS3043	Sains Alam Sekitar	3 (3+0)		ECO3263	Makroekonomi	3 (3+0)	ECO3003
COM3122	Bahasa Melayu Komunikasi	2 (2+0)	-	MPU3152	Integriti dan Antirasuah	2 (2+0)	
MPU3182	Falsafah dan Cabaran Semasa	2 (2+0)		MPU3192	Aspirasi Nagara Bangsa (ANB)	2 (2+0)	
BBB3013	Academic Writing Skills	3 (3+0)	MUET Band 3 dan ke	MPU3232	Pengenalan Kepada Keusahawanan	2 (2+0)	
				COUXXXX	Ko-Kurikulum	2 (2+0)	
JUMLAH		19		JUMLAH		20	
SEMESTER 3				**SEMESTER 4**			
ECO3163	Statistik Ekonomi dan Perniagaan II	3 (3+0)	ECO3153	ECO3174	Ekonometrik	4 (4+0)	-
ECO4153	Mikroekonomi Pertengahan	3 (3+0)	ECO3253	ECO4213	Kaedah Penyelidikan	3 (3+0)	ECO3153
ECO4163	Makroekonomi Pertengahan	3 (3+0)	ECO3263	CCM3112	Santuni Komuniti	2 (2+0)	
ECO4243	Ekonomi Sumber Asli	3 (3+0)	ECO3003		Elektif 2	3 (3+0)	
MGM3323-E	Falsafah Pengurusan	3 (3+0)			Elektif 3	3 (3+0)	
	Elektif 1	3 (3+0)			Elektif 4	3 (3+0)	
JUMLAH		18		JUMLAH		18	
SEMESTER 5				**SEMESTER 6**			
ECO4393	Perancangan & Penilaian Projek	3 (3+0)		ECO4404	Ekonomi Antarabangsa	4 (4+0)	
ECO4453	Ekonomi Kewangan	3 (3+0)		ECO4994	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	4 (4+0)	ECO4983
ECO4983	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	2 (2+0)	ECO4213	BBB3303	English for Occupational Purposes	3 (3+0)	BBB3013
	Elektif 5	3 (3+0)			Elektif 9	3 (3+0)	
	Elektif 6	3 (3+0)			Elektif 10	3 (3+0)	
	Elektif 7	3 (3+0)			Elektif 11	3 (3+0)	
	Elektif 8	3 (3+0)					
JUMLAH		20		JUMLAH		20	
SEMESTER 7							
ECO4978	Latihan Industri	8 (8+0)	-				
TOTAL		8					
				JUMLAH KREDIT BERGRADUAT		123	

Nota:

1. Pelajar wajib mengikuti Program Survival dan Keselamatan Air serta Kursus Kepintaran Buatan Untuk Pemula (MCBS10017) sebagai syarat bergraduat.
2. Jumlah jam kredit kursus elektif yang perlu diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah tertakluk kepada jumlah jam kredit elektif yang ditetapkan oleh program pengajian tersebut untuk memenuhi kelayakan bergraduat dan tidak tertakluk kepada bilangan kursus elektif yang diambil.
3. Senarai kursus elektif yang boleh diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah merujuk kepada penawaran kursus yang tertera dalam buku panduan program pengajian fakulti tersebut dan juga fakulti lain.

Rujukan: Kelulusan Senat UMT kali ke – 211 Tahun 2026

INTERNATIONAL STUDENT COURSE SCHEME
BACHELOR OF ECONOMICS (NATURAL RESOURCE) WITH HONORS
SESSION 2026/2027

CODE	COURSES	CREDIT HOURS	PRE REQUISITE	CODE	COURSES	CREDIT HOURS	PRE REQUISITE
SEMESTER 1				**SEMESTER 2**			
ECO3003	Principal of Economics	3 (3+0)	-	ECO3153	Statistics for Economics and Business I	3 (3+0)	
ECO3193	Introduction to Mathematical Economics	3 (3+0)	-	ECO3213	Mathematical Economics	3 (3+0)	ECO3193
ACT3013	Basic Business Accounting	3 (3+0)	-	ECO3253	Mikroekonomi	3 (3+0)	ECO3003
BBB3013	Academic Writing Skills	3 (3+0)	MUET Band 3 and above	ECO3263	Makroekonomi	3 (3+0)	ECO3003
MMS3043	Environmental Science	3 (3+0)	-	BBB3022	The art of Public Speaking	2 (2+0)	
MPU3102	Elementary Malay Language	2 (2+0)	-	MPU3152	Integrity and Anti-Corruption	2 (2+0)	-
MPU3162	Malaysian Citra	2 (2+0)		CCXXXX	Co-curriculum	2 (2+0)	-
	TOTAL	19			TOTAL	18	
SEMESTER 3				**SEMESTER 4**			
ECO4153	Intermediate Microeconomics	3 (3+0)	ECO3253	ECO3174	Econometrics	4 (4+0)	
ECO4163	Intermediate Macroeconomics	3 (3+0)	ECO3263	ECO4213	Research Methodology	3 (3+0)	ECO3153
ECO3163	Statistics for Economics and Business II	3 (3+0)	ECO3153	CCM3112	Santuni Komuniti	2 (2+0)	-
MGM3323-E	Philosophy of Management	3 (3+0)			Elective 2	2 (2+0)	
ECO4243	Natural Resource Economics	3 (3+0)	ECO3003		Elective 3	3 (3+0)	
	Elective 1	3 (3+0)			Elective 4	3 (3+0)	
					Elective 5	3 (3+0)	
	TOTAL	18			TOTAL	20	
SEMESTER 5				**SEMESTER 6**			
ECO4393	*Project Planning and Evaluation*	*3 (3+0)*		ECO4994	Final Year Project Paper (FYP) II	4 (4+0)	ECO4982
ECO4453	*Financial Economics*	*3 (3+0)*		ECO4404	International Economics	4 (4+0)	ECO3083, ECO3093
ECO4982	Final Year Project Paper (FYP) I	2 (2+0)	ECO4213	BBB3033	English for Occupational Purposes	3 (3+0)	
	Elective 6	3 (3+0)			Elective 10	3 (3+0)	
	Elective 7	3 (3+0)			Elective 11	3 (3+0)	
	Elective 8	3 (3+0)			Elective 12	3 (3+0)	
	Elective 9	3 (3+0)					
	TOTAL	20			TOTAL	20	
SEMESTER 7							
ECO4999B	Industrial Training	8 (8+0)	-				
	TOTAL	8					
TOTAL CREDIT HOURS FOR GRADUATION						123	

Notes:

1. Students are required to undertake the Survival and Water Safety Program and Artificial Intelligence for Beginner (MCBS10017) as a condition to graduate.
2. The number of elective course credit hours that must be taken by students in the program of study is subject to the number of elective credit hours set by the program of study to meet graduate qualifications and is not subject to the number of elective courses taken.
3. The list of elective courses that can be taken by students in the program of study refers to the course offerings listed in the handbook of the study program of the faculty and other faculties.
   Rujukan: Kelulusan Senat UMT kali ke – – 211 Tahun 2026

SINOPSIS KURSUS TERAS PROGRAM

ECO3003 Prinsip Ekonomi
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada
Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada prinsip asas ekonomi dengan merangkumi mikroekonomi dan makroekonomi. Topik-topik meliputi permintaan dan penawaran, tingkah laku pengguna, pengeluaran, struktur pasaran, pendapatan negara, inflasi, pengangguran dan dasar ekonomi. Pada akhir kursus, pelajar bukan sahaja memperoleh pemahaman asas tentang sistem ekonomi, tetapi juga keupayaan menganalisis peranan ekonomi dalam merangka penyelesaian kepada cabaran global dan nasional yang berkaitan dengan kelestarian.

ECO3253 Mikroekonomi
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : ECO3003 (Prinsip Ekonomi)
Kursus ini merupakan lanjutan daripada kursus Prinsip Ekonomi dan menawarkan kurikulum mikroekonomi di peringkat pertengahan. Tajuk-tajuk yang akan dibincangkan adalah teori firma (pengeluaran dan kos), analisis pasaran kompetitif dan tidak kompetitif serta pasaran faktor input (pasaran faktor).

ECO3263 Makroekonomi
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : ECO3003 (Prinsip Ekonomi)

Kursus ini merupakan lanjutan daripada kursus Prinsip Ekonomi dan menawarkan kurikulum makroekonomi di peringkat pertengahan. Tajuk-tajuk yang akan dibincangkan adalah pasaran barangan, pasaran kewangan, model IS-LM, pasaran buruh, model AS-AD, isu-isu makroekonomi utama iaitu pengangguran dan inflasi, serta dasar ekonomi bagi menangani permasalahan ini pada tingkat pertengahan

ECO4153 Mikroekonomi Pertengahan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : ECO3003 (Prinsip Ekonomi)
ECO3253 (Mikroekonomi)

Kursus ini direka untuk pelajar ekonomi bagi memahami dan meneroka konsep mikroekonomi lanjutan selepas mengikuti kursus mikroekonomi asas untuk mengukuhkan pemahaman. Kursus ini menekankan teori mikroekonomi yang meliputi tajuk teori permainan, pelaburan, masa dan pasaran modal, keseimbangan dan kecekapan ekonomi serta pasaran dengan maklumat asimetrik.

ECO4163 Makroekonomi Pertengahan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : ECO3003 (Prinsip Ekonomi)
ECO3263 (Makroekonomi)

Kursus ini merangkumi topik-topik yang berkaitan dengan jangka panjang dan jangkaan dalam makroekonomi. Secara khusus, pelajar akan mempelajari mengenai pertumbuhan ekonomi, pengumpulan modal, kemajuan teknologi, dan teori jangkaan dalam pasaran kewangan, penggunaan, dan pelaburan. Selain itu, kursus ini akan meneroka peranan keterbukaan dalam ekonomi, dengan memberi tumpuan kepada bagaimana perdagangan antarabangsa dan aliran modal mempengaruhi pertumbuhan dan kestabilan domestik. Ia juga akan mengkaji kesan kadar pertukaran ke atas pemboleh ubah makroekonomi, termasuk pengaruhnya terhadap imbangan perdagangan, inflasi, dan persekitaran ekonomi secara keseluruhan. Kursus ini turut mengaitkan cabaran global semasa seperti stagflasi, kadar faedah, dan pengangguran belia, serta bagaimana isu-isu ini berinteraksi dengan asas-asas makroekonomi jangka panjang dan tindak balas dasar yang sesuai.

ECO3153 Statistik Ekonomi dan Perniagaan I
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep asas statistik dalam konteks ekonomi dan perniagaan. Matlamat utama kursus ini adalah untuk membolehkan pelajar menyusun, meringkaskan dan menganalisis data menggunakan teknik statistik yang bersesuaian. Kandungan kursus merangkumi statistik deskriptif—termasuk penyusunan data, persembahan graf, ukuran kecenderungan memusat dan ukuran serakan—serta konsep kebarangkalian, taburan kebarangkalian, kaedah pensampelan dan anggaran parameter. Pelajar juga akan diperkenalkan kepada statistik inferensi, termasuk ujian hipotesis bagi satu sampel dan dua sampel. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat menggunakan penaakulan statistik untuk menyelesaikan masalah dalam bidang ekonomi dan perniagaan, mentafsir keputusan dengan tepat, serta menyokong proses membuat keputusan berasaskan data.

ECO3163 Statistik Ekonomi dan Perniagaan II
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : ECO3153 (Statistik Ekonomi dan Perniagaan I)

Kursus ini merupakan lanjutan daripada statistik asas dalam bidang pengurusan perniagaan dan ekonomi. Penekanan diberikan kepada statistik inferensi seperti pengujian hipotesis, korelasi dan regresi, statistik bukan parametrik, serta analisis siri masa dan indeks. Pelajar akan menggunakan kaedah pengumpulan data primer untuk menganalisis isu perniagaan dan ekonomi semasa yang sebenar. Pada tahap pertengahan, pelajar akan melaksanakan projek praktikal menggunakan perisian statistik seperti Microsoft Excel dan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) untuk pengurusan data, analisis lanjutan, visualisasi, dan tafsiran bagi menyokong pembuatan keputusan berasaskan bukti.

ECO3174 Ekonometrik I
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : ECO3153 (Statistik Ekonomi dan Perniagaan I)

Kursus ini akan membincangkan secara terperinci kaedah pembangunan model regresi tunggal, andaian dan masalah dalam model regresi. Topik yang akan dibincangkan merangkumi pengenalan, teori korelasi, regresi mudah, regresi berbilang, dan andaian. Masalah penganggaran dalam model regresi merangkumi masalah autokorelasi, multikolineariti dan heteroskidastisiti dan pemboleh ubah dami.

ECO3193 Pengenalan Kepada Ekonomi Matematik
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan set dan fungsi, matriks dan pengaturcaraan linear. Ia turut merangkumi had dan kesinambungan fungsi, terbitan dan aplikasinya, kaedah asas pengamiran, aplikasi pengamiran, jujukan dan siri, serta persamaan pembezaan asas. Selain itu, kursus ini turut membincangkan penerangan statistik, kebarangkalian, pemboleh ubah rawak, regresi dan korelasi, dengan penekanan kepada penerapan konsep matematik dan statistik dalam konteks ekonomi semasa seperti pengoptimuman rantaian bekalan, turun naik pasaran, dan peruntukan sumber dalam keadaan tidak menentu.

ECO3213 Ekonomi Matematik
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : ECO3193 (Pengenalan kepada Ekonomi Matematik)

Kursus ini menekankan aplikasi praktikal kaedah matematik untuk membangunkan dan menganalisis teori ekonomi serta menyelesaikan masalah ekonomi dalam dunia sebenar. Dengan menggunakan alat seperti graf, persamaan, kalkulus pembezaan dan kamiran, teknik pengoptimuman, dan algebra matriks, pelajar akan mempelajari cara membina dan mentafsir model ekonomi yang menerangkan tingkah laku pengguna, dinamik pasaran, kecekapan pengeluaran, dan kesan dasar ekonomi. Setiap topik akan diterokai melalui senario dunia sebenar seperti menganalisis penawaran dan permintaan, mengoptimumkan peruntukan sumber, menilai keputusan pelaburan, dan memahami turun naik makroekonomi bagi menunjukkan bagaimana alat matematik boleh digunakan untuk membantu membuat keputusan ekonomi dan merangka dasar yang berkesan.

ECO4213 Kaedah Penyelidikan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : ECO3153 (Statistik Ekonomi dan Perniagaan I)

Kursus ini membincangkan kaedah saintifik sebagai strategi penyelidikan untuk menyelesaikan masalah ekonomi dalam dunia nyata. Kursus ini merangkumi proses penyelidikan termasuk pembangunan pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif projek penyelidikan, membangunkan kerangka teori, merumus hipotesis dan reka bentuk penyelidikan; isu persampelan, pengumpulan data dan analisis data menggunakan teknik yang sesuai yang disediakan dalam perisian statistik, serta menekankan pada tafsiran hasil, dan penulisan laporan penyelidikan.

ECO4243 Ekonomi Sumber Asli
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : ECO3083 (Mikroekonomi I), ECO3093 (Makroekonomi I)

Kursus ini membincangkan teori-teori asas modal asli, penghausan optimum sumber yang tidak boleh diperbaharui, penggunaan optimum sumber yang boleh diperbaharui dan kontroversi mengenai kekurangan.

ECO4393 Perancangan dan Penilaian Projek
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan teori dan teknik dalam perancangan serta penilaian projek, dengan memberi tumpuan kepada hubungan antara perancangan sektor di peringkat mikro dan makro. Topik utama merangkumi kitaran hayat projek, analisis projek dari sudut ekonomi, kewangan, komersial dan sosial, serta kaedah penilaian projek seperti kaedah tradisional dan kaedah pendiskaunan. Penekanan diberikan kepada penggunaan harga perakaunan ekonomi dan sosial bagi menilai impak projek terhadap masyarakat dan alam sekitar. Kursus ini turut merangkumi isu semasa seperti pembangunan lestari, penilaian impak alam sekitar (EIA), dan kajian kebolehlaksanaan projek. Kursus ini juga melibatkan penyertaan pihak industri yang akan dijemput untuk memberikan ceramah, mengendalikan bengkel, serta membimbing pelajar dalam penulisan cadangan projek, penilaian cadangan, dan pembentangan.

ECO4404 Ekonomi Antarabangsa
Jam Kredit : 4 (4+0)
Prasyarat : ECO3083 (Mikroekonomi I), ECO3093 (Makroekonomi I)

Kursus ini menyediakan perbincangan mendalam mengenai ekonomi terbuka dan dasar perdagangan bagi meningkatkan pemahaman tentang konsep model perdagangan antarabangsa, halangan perdagangan, integrasi ekonomi, perjanjian komoditi antarabangsa, pertukaran asing, spekulasi, mobiliti modal, imbangan pembayaran, sistem pertukaran asing, dan sistem kewangan antarabangsa.

ECO4453 Ekonomi Kewangan
Jam Kredi : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep asas Ekonomi Kewangan, meneroka hubungan antara kewangan dan ekonomi melalui pasaran kewangan, instrumen, dan institusi kewangan. Pelajar akan memahami mekanisme asas pasaran kewangan, penilaian instrumen kewangan, serta proses membuat keputusan dalam firma dan sistem ekonomi yang lebih luas. Kursus ini juga memberikan pendedahan praktikal melalui aktiviti pembelajaran seperti simulasi dagangan sekuriti dan penulisan laporan analisis pasaran.

ECO4978 Latihan Industri
Jam Kredit : 8 (0+8)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada pengalaman kerja sebenar. Tumpuan diberikan kepada perancangan dan aplikasi teori ekonomi serta ekonomi sumber alam mengikut pengkhususan bidang yang dipilih. Latihan industri akan dijalankan di organisasi di bawah penyeliaan pensyarah dan penyelia industri yang dilantik.

ECO4982 Projek Ilmiah Tahun Akhir I
Jam Kredit : 2 (0+2)
Prasyarat : ECO4213 (Kaedah Penyelidikan)

Kursus ini memperkenalkan elemen-elemen asas dalam melaksanakan projek tahun akhir. Kursus ini merangkumi pengenalpastian aspek-aspek penting dalam penyelidikan merangkumi permasalahan kajian, objektif kajian, hipotesis yang berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan dan metodologi kajian. Ia juga melibatkan penulisan kajian lepas, kepentingan kajian dan sumbangan hasil yang diharapkan kepada Projek Tahun Akhir II. Ia juga memberikan pelajar kemahiran penulisan dan kemahiran melaksanakan pembentangan.

ECO4994 Projek Ilmiah Tahun Akhir II
Jam Kredit : 4 (0+4)
Prasyarat : ECO4982 (Projek Ilmiah Tahun Akhir I)

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar untuk meneruskan pembangunan cadangan daripada kursus Projek Ilmiah Tahun Akhir I. Pelajar akan meneruskan dan melengkapkan penyelidikan mereka yang berkaitan dalam bidang teras atau pengkhususan program. Penekanan akan diberikan kepada kaedah penganalisisan data dan pembentangan penemuan kajian dan pembangunan artikel. Kursus ini memberi tumpuan kepada elemen lanjutan dalam menjalankan projek tahun akhir berdasarkan bidang pengkhususan yang dikenal pasti.

ACT3013 Asas Perakaunan Perniagaan
Jam Kredit : 4 (4+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini direka untuk memberikan pengetahuan dan pendedahan kepada pelajar bukan dari jurusan perakaunan. Kursus ini menggabungkan dua disiplin perakaunan: Perakaunan kewangan dan perakaunan pengurusan yang merangkumi prinsip-prinsip perakaunan termasuk kitaran perakaunan, prinsip catatan bergu, persamaan perakaunan, penyediaan penyata kewangan, dan perakaunan pengurusan.

MGM3323-E Falsafah Pengurusan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Analisis terhadap teori, prinsip, teknik dan alat-alat asas pengurusan dengan penumpuan terhadap aktiviti-aktiviti pengurusan yang berkaitan dengan bidang atau fungsi untuk sesebuah organisasi perniagaan dan bukan perniagaan. Penekanan juga akan diberikan terhadap pendekatan bersistem.

MMS3043 Sains Alam Sekitar
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Konsep asas sains alam sekitar, pengenalan kepada sekitaran atmosfera, akuatik dan daratan. Sumber air, penggunaan dan pengurusan air. Kesan pembangunan kepada alam sekitar akuatik. Sumber dan pengurusan hidupan liar, taman negara, hutan, lombong, muara dan paya. Kesan pembuangan kumbah domestik, industri dan pertanian ke atas alam sekitar dan ekosistem. Undang-undang dan piawaian alam sekitar yang diamalkan di Malaysia. Pengenalan kepada penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA).

SINOPSIS KURSUS ELEKTIF BIDANG (SUMBER ALAM)

ECO4253 Ekonomi Alam Sekitar
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus Ekonomi Alam Sekitar ini memberi pelajar pemahaman menyeluruh tentang prinsip asas ekonomi yang mempengaruhi pengurusan sumber semula jadi dan pencemaran alam sekitar. Kursus ini menekankan isu-isu semasa di Malaysia seperti pencemaran udara dan air, pengurusan sisa pepejal, perubahan guna tanah, dan perubahan iklim. Pelajar akan meneroka pelbagai dasar, insentif ekonomi dan pendekatan pasaran seperti cukai karbon dan perdagangan emisi yang digunakan dalam dan luar negara untuk meningkatkan kemampanan dan kesejahteraan alam sekitar.

ECO4263 Ekonomi Tenaga
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep dan aplikasi ekonomi dalam sektor tenaga, termasuk analisis permintaan, penawaran, harga, serta dasar-dasar tenaga utama di Malaysia seperti Dasar Tenaga Negara 2022–2040, Dasar Tenaga Boleh Baharu dan Dasar Kecekapan Tenaga. Pelajar akan didedahkan kepada isu alam sekitar, peralihan tenaga, dan peranan tenaga dalam pembangunan mampan. Penawaran kursus ini adalah relevan bagi melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran analitikal untuk menilai isu dan dasar tenaga dari sudut ekonomi, sejajar dengan keperluan industri dan dasar negara. Melalui kursus ini, pelajar akan memperoleh keupayaan untuk menganalisis hubungan antara tenaga, pertumbuhan ekonomi dan kelestarian alam sekitar.

ECO4273 Ekonomi Tanah dan Perhutanan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini mengkaji peranan tanah sebagai faktor utama pengeluaran, dengan tumpuan khusus kepada hutan sebagai sumber produktif dan ekologi yang kritikal. Ia memperkenalkan konsep asas dan teori sewa tanah dan lokasi guna tanah. Isu utama yang berkaitan dengan pemilikan tanah, peruntukan sumber, dan tadbir urus sumber perhutanan diterokai dalam konteks Malaysia. Kursus ini juga merangkumi prinsip ekonomi hutan, modal hutan, pasaran kayu, dan pengurusan hutan. Penekanan diberikan kepada amalan pengurusan hutan yang mampan dan integrasi Dasar Tanah Negara Malaysia dalam menggalakkan penggunaan tanah yang bertanggungjawab dan pemuliharaan hutan.

ECO4283 Ekonomi Perikanan dan Akuakultur
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini meneroka eksploitasi, pengurusan, dan pemuliharaan sumber perikanan dan akuakultur melalui lensa teori ekonomi, menekankan peranan kritikal mereka dalam menyokong kemampanan dan daya saing industri perikanan. Pelajar akan meneliti pelbagai pendekatan kawal selia untuk mencapai kecekapan ekonomi dalam perikanan, dengan analisis perbandingan yang disesuaikan dengan konteks Malaysia. Kursus ini juga menekankan kepentingan akuakultur sebagai alternatif yang mampan untuk menangkap perikanan, menyumbang kepada keselamatan makanan negara dan pembangunan ekonomi. Isu berkaitan pengeluaran, pemasaran dan peruntukan sumber dibincangkan bersama dasar yang berkaitan, termasuk Dasar Agro-Makanan Malaysia dan Dasar Agro-Komoditi Negara.

ECO4333 Ekonomi Bencana
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan membincangkan tentang ekonomi bencana (buatan manusia dan semula jadi), jenis-jenis bencana, kos dan mitigasi serta kaedah untuk meminimumkan impak bencana alam dari perspektif sosial dan ekonomi.

ECO4293 Ekonomi Rekreasi dan Pelancongan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada aplikasi teori ekonomi dalam industri rekreasi dan pelancongan yang merupakan sektor penting dalam ekonomi negara dan global. Melalui topik seperti permintaan dan penawaran, kos dan pengeluaran, struktur pasaran, impak ekonomi, perdagangan, globalisasi serta kesan sosial dan alam sekitar, pelajar akan membangunkan keupayaan analitikal untuk menilai dan mengurus isu-isu berkaitan sektor ini secara kritikal dan beretika. Kursus ini ditawarkan bagi menyokong keperluan pasaran kerja yang menuntut graduan ekonomi yang versatil dan mampu menyumbang kepada pertumbuhan serta kelestarian industri pelancongan secara mampan.

ECO4383 : Pembangunan Mampan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan konsep dan prinsip asas pembangunan mampan dengan memberi penekanan terhadap hubungan antara dimensi ekonomi, sosial dan alam sekitar dalam konteks isu semasa dan dasar pembangunan di peringkat tempatan dan global. Berdasarkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), pelajar akan menilai secara kritis dan beretika bagaimana ketiga-tiga dimensi ini saling berkait serta mencadangkan penyelesaian ekonomi berasaskan komuniti yang praktikal dan lestari. Kursus ini menggalakkan nilai profesional, tanggungjawab sosial, kemahiran digital, komunikasi berkesan dan kesedaran terhadap kelestarian global melalui kuliah, perancangan projek, penulisan proposal, sesi bimbingan, penglibatan komuniti dan pelaksanaan di lapangan yang disokong oleh pendekatan pendidikan berimpak tinggi.

ECO4433 Ekonomi Ekologi
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini meneroka ekonomi ekologi dengan mengintegrasikan prinsip ekonomi dengan sistem ekologi bagi menangani cabaran alam sekitar semasa. Ia membincangkan kepelbagaian biologi, ekosistem, dan perkhidmatan ekosistem, dengan penekanan terhadap peranan fungsi dan sumbangan ekonomi ekosistem. Pelajar akan menganalisis kerangka Nilai Ekonomi Keseluruhan (TEV) merangkumi nilai gunaan dan bukan gunaan serta menerapkan pelbagai kaedah penilaian ekonomi untuk menilai manfaat ekosistem. Kursus ini juga mengetengahkan instrumen pembuatan keputusan untuk menyokong pengurusan sumber secara mampan. Kandungan kursus diselaraskan dengan dasar kebangsaan seperti Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) dan kerangka global seperti Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya dalam mempromosikan pembangunan mampan, pemuliharaan ekosistem dan penggunaan sumber semula jadi secara bertanggungjawab.

ECO4443 Ekonomi Air
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan konsep asas ekonomi air dengan memberi penekanan kepada isu-isu bekalan dan permintaan sumber air. Pelajar akan didedahkan kepada pertikaian sumber air yang mendesak dan kompleks di peringkat tempatan dan global, termasuk konflik merentas sempadan, tekanan terhadap sumber air akibat perubahan iklim, dan ketidakseimbangan agihan air. Rasional penawaran kursus ini adalah untuk membina pemahaman yang kukuh terhadap hubungan antara ekonomi dan pengurusan sumber air, dalam konteks pembangunan mampan dan keterjaminan air.

POL4033 Penilaian Impak Sosial
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

This course aims to introduce students to the field of Social Impact Assessment that tries to assess the real impact of a development project on society. This course discusses various aspects of social impact assessment which includes concepts, theories, principles, methods and social impact auditing taken from impact assessment experience in Malaysia and other countries.

ECO4613 Ekonomi Dan Perundangan Sumber Alam
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan kerangka perundangan dan ekonomi yang mengawal selia pengurusan sumber alam di Malaysia. Ia merangkumi undang-undang sumber alam utama, instrumen ekonomi, serta struktur tadbir urus yang mengawal hutan, biodiversiti, perikanan, mineral, tanah, dan sumber air. Pelajar akan meneroka implikasi undang-undang dan dasar ini terhadap kelestarian, pemuliharaan, serta pembangunan ekonomi. Kursus ini menekankan kecekapan normatif dengan membolehkan pelajar menilai undang-undang dan instrumen ekonomi dalam konteks tanggungjawab profesional, matlamat kelestarian, serta dilema etika dalam pembentukan dasar.

SINOPSIS KURSUS ELEKTIF BEBAS

ECO3063 Sejarah Pemikiran Ekonomi
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Dalam kursus ini, pelajar akan menelusuri evolusi pemikiran ekonomi meliputi pelbagai mazhab pemikiran utama seperti Mercantilist School, Physiocratic School, Classical School, Socialist School, Neoclassical School, Keynesian School, dan New Classical School. Melalui pengkajian tokoh-tokoh penting seperti Adam Smith, Thomas Malthus, David Ricardo, Karl Marx, dan John Maynard Keynes, pelajar bukan sahaja memahami perkembangan sejarah idea-idea ekonomi, tetapi juga dapat memperkasa pelajar dengan perspektif kritis dan asas teori yang kukuh untuk diaplikasikan dalam persekitaran industri, dasar awam, serta perkembangan ekonomi kontemporari.

ECO3073 Pengenalan Kepada Ekonomi Islam
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelbagai topik asas dalam ekonomi Islam. Antara topik utama yang dibincangkan termasuk teori penggunaan, pengeluaran, pengagihan pendapatan dan kekayaan menurut perspektif Islam. Selain itu, kursus ini turut merangkumi aspek sistem kewangan Islam, dasar fiskal serta perancangan dan pembangunan negara Islam. Melalui perbincangan ini, pelajar akan dapat memahami prinsip-prinsip ekonomi Islam dan aplikasinya dalam sistem ekonomi semasa. Kursus ini juga memberi nilai tambah dalam menganalisis isu-isu ekonomi berdasarkan kerangka Islam yang menyeluruh dan berasaskan Syariah.

ECO4233 Ekonomi Awam
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberikan pengenalan mengenai peranan dan kepentingan ekonomi sektor awam. Topik yang dibincangkan termasuk teori dan penetapan harga barangan awam, pertumbuhan dan pembiayaan sektor awam, analisis kos faedah dan sistem undian. Perbincangan terperinci akan tertumpu kepada faktor-faktor kegagalan pasaran, penglibatan kerajaan dalam menentukan sistem pencukaian terbaik dan pengagihan semula pendapatan.

ECO4353 Ekonomi Buruh
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan memperkenalkan dan menggunakan asas tajuk-tajuk dalam ekonomi buruh. Ia akan mengkaji mengenai organisasi, fungsi dan keluaran pasaran buruh, keputusan bakal dan guna tenaga pasaran buruh kini dan dasar awam yang berkaitan dengan pekerjaan dan sumber buruh.

ECO4373 Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Malaysia
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : ECO3083 (Mikroekonomi I)/ ECO3013 (Pengenalan kepada Mikroekonomi)/ ECO3093 (Makroekonomi I)/ ECO3023 (Pengenalan kepada Makroekonomi)

Kursus ini memberikan pengetahuan dan kefahaman tentang proses perancangan ekonomi di Malaysia, merangkumi penggubalan, pelaksanaan dan penilaian dasar-dasar pembangunan negara. Tumpuan diberikan kepada analisis dokumen perancangan utama seperti Rancangan Malaysia Lima Tahun, Kerangka Rancangan Jangka Panjang, Pelan Induk Perindustrian, dan Dasar Pertanian Negara. Kursus ini turut meneliti peranan agensi-agensi utama seperti Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Bank Negara Malaysia, FELDA, RISDA dan FELCRA dalam merancang serta melaksanakan strategi pembangunan ekonomi. Penekanan turut diberikan kepada aspek pembangunan wilayah dan keseimbangan ekonomi antara sektor serta kawasan. Pelajar akan dilatih menilai keberkesanan dasar melalui pendekatan analitikal, kajian kes, dan penggunaan data ekonomi semasa.

ECO4413 Ekonomi Kesihatan
Jam Kredit: 3 (3+0)
Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi tajuk permintaan dan penawaran bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan, pasaran untuk insurans kesihatan, penilaian ekonomi dalam sektor penjagaan kesihatan, pasaran untuk pemain utama dalam sektor penjagaan kesihatan meliputi pakar perubatan, hospital dan farmaseutikal dan campur tangan kerajaan dalam pasaran penjagaan kesihatan.

ECO4423 Pengurusan Perniagaan Tani
Jam Kredit: 3 (3+0)
Prasyarat: Tiada

Kursus ini menyediakan pengenalan yang tersusun kepada pengurusan perniagaan tani dengan menggabungkan konsep-konsep utama merentasi empat tema utama. Ia bermula dengan prinsip asas pengurusan yang menjadi asas utama untuk memahami proses membuat keputusan dalam perniagaan tani. Seterusnya, kursus ini meneliti tingkah laku manusia dan firma bagi menganalisis bagaimana pelakudalam perniagaan tani beroperasi dalam pasaran yang dinamik. Berdasarkan pemahaman ini, pelajar akan mengkaji proses perancangan strategik untuk pertumbuhan jangka panjang dan kelestarian perniagaan. Akhir sekali, kursus ini membincangkan aspek kewangan dan peranan struktur pasaran dalam membentuk dan mempengaruhi prestasi perniagaan tani secara menyeluruh.

ECO4463 Ekonomi Perindustrian
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi topik mengenai organisasi dan operasi sektor industri termasuk struktur pasaran, gelagat dan prestasi. Penekanan diberikan terhadap dasar dan bukti-bukti empirik yang berkaitan.

POL4643 Ekonomi Politik
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini meneroka dengan mendalam mengenai persimpangan antara ekonomi dan politik, dengan tumpuan kepada proses pembuatan keputusan dalam sektor awam. Ia memperkenalkan pelajar kepada bidang ekonomi politik, asal-usulnya, dan pendekatan utama, dengan menekankan peranan dasar ekonomi dan dinamik politik dalam membentuk keputusan sektor awam. Kursus ini merangkumi konsep asas seperti analisis kos-manfaat, alat pembuatan keputusan strategik seperti teori permainan dan pokok keputusan, serta analisis isu kritikal seperti ketidakterjaminan tenaga, masyarakat rendah karbon, dan dasar pertanian. Sepanjang kursus ini, pelajar akan memperoleh pandangan praktikal tentang cara-cara gerakkuasa politik dan ekonomi membentuk pembuatan keputusan sektor awam. Dengan melibatkan diri dalam kajian kes, rangka kerja teori, dan alat strategik, pelajar akan membangunkan kemahiran analitikal yang diperlukan untuk menilai ekonomi politik secara kritikal dalam konteks tempatan dan global.

SINOPSIS KURSUS ELEKTIF BEBAS – PROGRAM INTEGRASI SME (SA) dK & SE

ECO5003 Mikroekonomi Lanjutan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : ECO3083 & ECO3123

Mikroekonomi ialah cabang ekonomi yang mengkaji tingkah laku ejen ekonomi (isi rumah dan firma) dalam membuat keputusan untuk memperuntukkan sumber yang terhad. Kursus ini membekalkan pelajar dengan kemahiran analitikal dan alat untuk memodelkan aktiviti ekonomi sebagai interaksi antara ejen ekonomi individu yang mengejar kepentingan peribadi mereka. Selain itu, ia juga membolehkan pelajar menganalisis mekanisme pasaran yang menetapkan harga relatif antara barang dan perkhidmatan serta peruntukan sumber yang terhad di antara pelbagai kegunaan alternatif.

ECO5013 Makroekonomi Lanjutan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : ECO3093 & ECO3113

Kursus ini membincangkan prestasi, struktur, tingkah laku dan pembuatan keputusan bagi keseluruhan ekonomi. Kursus ini melengkapkan pelajar dengan pemahaman tentang teori dan amalan makroekonomi moden. Kursus ini menumpukan pada faktor asas yang menentukan pertumbuhan ekonomi dengan membangunkan dan menilai pelbagai model. Ciri utama kursus ini termasuk pemahaman mengenai keupayaan dan keterbatasan dasar makroekonomi dalam menstabilkan kitaran perniagaan serta mempromosikan pertumbuhan jangka panjang.

ECO5023 Kaedah Penyelidikan dalam Ekonomi Gunaan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : ECO4213

Kursus ini direka untuk menyokong pelajar pascasiswazah dalam membangunkan projek penyelidikan mereka dalam bidang ekonomi. Kursus ini disusun kepada tiga aspek utama: Definisi Kaedah Penyelidikan, Konseptual, dan Falsafah Metodologi Penyelidikan, Aspek Prosedural, dan Pelaporan Penyelidikan. Tujuan bagi semua aspek ini adalah untuk memperkenalkan atau mengkaji semula alat yang perlu dikuasai oleh pelajar untuk memahami bahan yang dibentangkan dalam bidang ekonomi, dan untuk membolehkan kemajuan kearah penyelidikan bebas bagi disertasi serta bekerja sebagai ahli ekonomi profesional.

ECO5033 Ekonometrik Lanjutan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : ECO3173 & ECO3183

Kursus ini merupakan lanjutan daripada kursus Ekonometrik I dan II. Antara topik yang akan dibincangkan meliputi pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar dami, model regresi data panel, model ekonometrik dinamik, ekonometrik siri masa dan peramalan. Kursus ini menggabungkan pembelajaran berasaskan teknologi selaras dengan Kriteria IR 4.0 12(1) terutamanya pada sesi praktikal menggunakan perisian ekonometrik seperti Stata dan Eviews. Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat mereka bentuk, menganggar dan mengesahkan model ekonometrik yang sesuai bagi isu dasar dan industri, melaksanakan ujian diagnostik serta peramalan, serta mengkomunikasikan dapatan secara beretika melalui laporan profesional dan pembentangan.

SINOPSIS KURSUS ELEKTIF BEBAS – PROGRAM MOBILITI UMT – UMY, INDONESIA

EI19110-M Sistem Kewangan
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini menjelaskan mengenai konsep dan aplikasi institusi bank dan bukan bank dalam sistem kewangan di Indonesia dimana kedua-duanya berdasarkan keputusan atau konvensional,pihak berkuasa yang berkaitan seperti Bank Indonesia, Pihak berkuasa Kewangan, dan Institusi Jaminan Simpanan, serta Institusi Kewangan Mikro sama ada berasaskan Syariah atau konvensional

EI19124-M Ekonomi Kreatif
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

In this course students will learn the Creative Economy to enhance aspects of individual creativity and also organizational factors such as culture, leadership, diversity and structure can both help and hinder creativity and innovation including the use of creative swiping and other practices.

EI19127-M Kaedah Penyelidikan Ekonomi
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

This course will cover scientific research, literature reviews, data collection, methodology and data analysis. Student also able to be understanding of research ethics from violations especially plagiarism. At the end of this course, student will be able to prepare a good proposal and in the end it will become a research result worthy of publication

EI21115-M Ekonomi Halal
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

In this course students will learn the Halal Economy and an analytical framework to address the problem of the Concept of Halal. Focus on topics such as Prospective of Halal Industry Worldwide, Halal Banking and Finance, Halal Standardization and Prospective of Halal Industry in Developed Areas

EI21224-M Ekonomi Digital
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Dalam Kursus ini, pelajarakan mempelajari mengenai "DigitalEconomy" dan kerangka kerja yang bersesuaian bagi mengatasi permasalahan ekonomi. Fokus utama meliputi konsep ekonomi digital, perkembangan ekonomi digital dan kesan teknologi kewangan

EI212024-M Pemikiran & Sistem Ekonomi
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Dalam kursus ini, ia akan membincangkan istilah ekonomi dan evolusi pemikiran ekonomi meliputi pemikiran klasik sehingga post-modernisme meliputi Adam Smith, Thomas Malthus, David Ricardo, Karl Marx, dan John Maynard Keynes, perkembangan ekonomi islam dan isu-isu geopolitik dan geoekonomi global serta perkembangan sistem ekonomi Indonesia.

SINOPSIS KURSUS TERAS UNIVERSITI

BBB3013 Academic Writing Skills
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat: : MUET (Band 3-6)

This course is designed to develop students' competence in writing. It introduces students to the skills needed to become effective writers. Students will be guided through the main stages in writing such as pre-writing, outlining, drafting and revising which will enable them to produce well-organised and adequately developed essays. Emphasis is also given on creative and critical thinking which are integral to the writing process.

BBB3033 English For Occupational Purposes
Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat: : Tiada

The course will cover a range of topics that is related to occupational needs such as writing a resume, memorandum and proposal, speaking during a job interview and meeting, and presenting ideas in front of an audience. Learners will learn common language functions and to utilise them appropriately in work place situations. Exercises and practical in-class sessions will be conducted to give learners some insight into English communication needs in the work place.

MPU3152 Integriti dan Antirasuah
Jam Kredit : 2 (2+0)
Prasyarat: : Tiada

Kursus ini merangkumi konsep asas rasuah termasuk nilai integriti, anti rasuah, bentuk perlakuan rasuah, salah guna kuasa dalam aktiviti seharian dan organisasi serta kaedah pencegahan rasuah. Kes berkaitan rasuah juga dibincangkan. Kaedah pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam bentuk 'pembelajaran berdasarkan pengalaman' melalui aktiviti individu dan kumpulan. Pada akhir kursus ini, pelajar dapat memahami amalan integriti, konsep rasuah, antirasuah dan salah guna kuasa serta pencegahan rasuah dalam masyarakat dan organisasi. Pengetahuan yang diperolehi dapat menjadi panduan kepada pelajar untuk mengelak dari terjerumus dalam amalan rasuah dan salah guna kuasa.

MPU3182 Falsafah dan Cabaran Semasa
Jam Kredit : 2 (2+0)
Prasyarat: : Tiada

Kursus ini menjelaskan asas dan kerangka pemikiran falsafah yang mendasari pembinaan masyarakat Malaysia, dengan menekankan gagasan utama seperti Rukun Negara, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Sejahtera, dan Falsafah MADANI. Penggunaan analisis falsafah sebagai alat berfikir diperkenalkan sebagai pendekatan intelektual yang sistematik dalam memahami serta menangani pelbagai cabaran kehidupan semasa. Melalui pendedahan kepada komponen-komponen utama ilmu falsafah, pelajar akan dididik untuk menganalisis isu-isu kontemporari serta mengembangkan keupayaan berfikir secara kritis dan reflektif. Di akhir kursus, pelajar diharapkan mampu menilai serta merumus strategi berasaskan pendekatan falsafah bagi mendepani cabaran masa depan dan seterusnya menyumbang kepada pembentukan masyarakat Malaysia yang inklusif, sejahtera dan berpandangan jauh.

MPU3192 Aspirasi Negara Bangsa
Jam Kredit : 2 (2+0)
Prasyarat: : Tiada

Kursus ini meneroka asas pembentukan dan pembangunan negara bangsa Malaysia yang menekankan kepada elemen kenegaraan, sejarah interaksi etnik, dan keunikan masyarakat Malaysia. Kursus ini turut membincangkan kerangka teori perpaduan, konsep negara bangsa, serta visi Bangsa Malaysia Idaman yang berpaksikan nilai Rukun Negara, Wawasan 2020, Malaysia Madani, dan inisiatif nasional lain. Selain itu, kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang realiti semasa merangkumi sentimen kewilayahan dan keserantauan serta cabaran dalam membina masyarakat yang harmoni dan inklusif. Penekanan turut diberikan kepada pengaruh dan kesan teknologi serta perubahan iklim terhadap aspirasi pembangunan negara bangsa, selari dengan agenda pembangunan lestari (SDG). Pengajaran dan pembelajaran (PdP) kursus akan memperkukuh pemahaman pelajar tentang aspirasi Malaysia sebagai sebuah negara progresif dan toleran, menitikberatkan nilai sepunya seperti muhibah, penerimaan, keharmonian, dan perkongsian nilai bersama.

MPU3232 Pengenalan Kepada Keusahawanan
Jam Kredit : 2 (2+0)
Prasyarat: : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep asas keusahawanan dan pembangunan minda keusahawanan sebagai persediaan awal untuk kerjaya masa hadapan. Melalui pelbagai aktiviti pembelajaran, pelajar didedahkan kepada proses penjanaan idea, inovasi, dan pembangunan model perniagaan, serta penggunaan alat digital dan platform Kecerdasan Buatan (AI) terpilih untuk menyokong pembelajaran dan memperkukuh pembangunan idea perniagaan mereka. Di samping itu, pelajar digalakkan mengaplikasikan pengetahuan keusahawanan dalam bidang masing-masing dan mengintegrasikan pemikiran kreatif dalam kehidupan peribadi dan profesional. Di akhir kursus ini, pelajar akan memperoleh kemahiran asas keusahawanan dan keyakinan untuk memulakan perniagaan atau memberikan sumbangan berimpak dalam organisasi dan komuniti selepas tamat pengajian.

HUBUNGI KAMI



Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

09 633 4222
fbesd@umt.edu.my
https://fbesd.umt.edu.my/
www.facebook.com/OfficialFBESD